

Penguasaan Kosa Kata dan Pembinaan Keyakinan Pelajar Antarabangsa dalam komunikasi Bahasa Melayu melalui Kaedah Tanya-Jawab Dua Hala
(Enhancing the International students' vocabulary and confidence to communicate in the Malay language through Two-way Question-answer Method)

AMIRUL MUKMININ MOHAMAD* & ZAMRI MAHAMOD

ABSTRAK

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menawarkan kursus wajib Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing kepada pelajar pascasiswazah antarabangsa. Antara masalah utama yang dihadapi oleh para pelajar dalam mempelajari Bahasa Melayu ialah penguasaan kosa kata Bahasa Melayu yang terhad serta kurangnya keyakinan semasa bersoal-jawab dalam Bahasa Melayu. Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan kaedah 'Tanya-Jawab Dua Hala' sebagai kaedah alternatif dalam membina penguasaan kosa kata pelajar serta keyakinan semasa bersoal-jawab dalam bahasa. Kajian tindakan ini melibatkan 20 orang pelajar pascasiswazah antarabangsa Kursus Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing tahap 1 di UKM, di mana data diperoleh melalui pemerhatian semasa kaedah intervensi dijalankan, perbandingan skor ujian pencapaian kaedah konvensional dengan kaedah intervensi serta perkaitan antara pemboleh ubah dalam borang soal-selidik. Data kajian dianalisis menggunakan ujian Wilcoxon Sign Rank untuk perbandingan skor dan ujian Regresi Linear Mudah untuk analisis perkaitan antara pemboleh ubah. Hasil kajian menunjukkan bahawa peserta kajian membina penguasaan kosa kata serta keyakinan diri secara sendiri melalui latihan soal-jawab semasa sesi intervensi. Analisis perbandingan skor antara gelung konvensional dan gelung intervensi untuk kedua-dua kemahiran mencatatkan perbezaan yang signifikan. Analisis Regresi pula menunjukkan perkaitan yang signifikan antara kaedah intervensi dengan kedua-dua kemahiran yang disasarkan. Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan kaedah 'Tanya-Jawab Dua Hala' ini berpotensi untuk membantu pelajar bahasa kedua dan ketiga meningkatkan tahap penguasaan kosa kata serta keyakinan dalam berbahasa Melayu.

Kata Kunci: Kajian Tindakan; Kaedah Tanya-Jawab Dua Hala; Pelajar Antarabangsa; Penguasaan Kosa Kata; Keyakinan Berkomunikasi

ABSTRACT

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) offers Malay as a Foreign Language course to international postgraduate students. However, students seem to have limited vocabulary in the Malay language and lack confidence to engage in question-and-answer interaction in Malay. This study aims to see the effectiveness of the 'Two-Way Interview' method as an alternative method in building student vocabulary and confidence to engage in a question-and-answer interaction. The respondent of this study were 20 post-graduate students of the Malay Language Course as a Foreign Language Level 1 at UKM. Data were obtained through observation during intervention methods, comparison of conventional method of achievement test scores with intervention methods and the relationship between variables in the questionnaire. The data were analyzed using the Wilcoxon Sign Rank test for score comparison and Simple Linear Regression tests for the analysis of the relationship between the variables. The results of the study show that the participants were able to enhance their vocabulary and self-confidence through a question-and-answer exercises during the intervention session. Comparison analysis between conventional loop and intervening loop for both skills recorded a significant difference. Regression analysis showed a significant correlation between intervention method with both targeted skills. This finding suggest that the use of the 'Two-Way Interview' method has the potential to help second and third-language learners increase vocabulary and confidence in Malay language.

Keywords: *Action Research; Two Way Question-Answer Method; International Students; Vocabulary Mastery; Confidence in Communication*

PENGENALAN

Kerajaan Malaysia menerusi Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 telah menetapkan syarat bahawa semua pelajar antarabangsa di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) untuk mempelajari kursus Bahasa Melayu sebagai syarat pengijazahan. Pembelajaran kursus bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di institusi pengajian tinggi tempatan menekankan empat kemahiran utama iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran menulis dan kemahiran membaca (Sukatan Pelajaran Bahasa Kebangsaan, MQA 2005:11). Namun, sebagai tambahan, pembelajaran bahasa juga ada tiga lagi komponen yang tidak boleh diketepikan, iaitu kosa kata, sebutan dan tatabahasa (Schmitt & Schmitt, 2005). Dalam hal ini, kosa kata merupakan salah satu daripada perkara asas untuk penguasaan bahasa yang dipelajari, sama ada bahasa kedua atau bahasa ketiga. Tanpa penguasaan kosa kata, pelajar atau penutur asing tidak dapat memahami individu lain atau menzahirkan pemikiran dan perasaan. Adolph dan Schmitt (2003) menyatakan bahawa pembelajaran bahasa memerlukan kepada penguasaan, sekurang-kurangnya, 3,000 kelompok perkataan untuk berkomunikasi dan memahami 95% bahasa yang dituturkan oleh penutur natif.

Permasalahan Kajian

Kurangnya pengetahuan dalam penguasaan kosa kata merupakan halangan dan kekangan terbesar yang perlu ditangani oleh penutur bahasa kedua/asing (Alonso, 2013) di mana faktor utama kepada kesukaran ini ialah mengetahui dan mengingati makna perkataan tersebut, walaupun mereka mampu menyebut perkataan tersebut dengan betul (Fresch, 2008). Nation dan Newton (2009) pula menjelaskan bahawa pengetahuan kosa kata yang dimiliki oleh pelajar bahasa kedua/asing adalah lemah disebabkan kegagalan untuk membina penguasaan makna dan sebutan perkataan tersebut. Dalam hal ini, untuk pelajar bahasa kedua/asing, pembinaan pengetahuan kosa kata merupakan satu proses yang lebih sukar dan memerlukan latihan serta komitmen yang tinggi.

Pelajar bahasa ketiga juga sering berasa rendah diri serta tidak yakin apabila mereka perlu menggunakan bahasa asing ketika berbual dengan penutur natif (Sibel Cagatay, 2015; Aulia Nisa Khusnia, 2016) Pelajar antarabangsa juga sering merasa bimbang untuk menggunakan bahasa Melayu di luar kelas kerana takut melakukan kesalahan ketika bertutur atau menyebut perkataan (Nehad Faisal 2016) Selain itu, mereka juga

hilang keyakinan diri untuk bertutur dalam bahasa asing disebabkan pengalaman buruk yang pernah ditempuhi ketika berada di dalam kelas bahasa ketiga (Ziash Suleymanova, 2012; Osama Yousif & Ishragaa Bashir, 2015).

Berpandukan kepada permasalahan yang telah dibincangkan di atas, satu kaedah proaktif bagi membina penguasaan kosa kata dan peningkatan keyakinan diri dalam berbahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa dilihat perlu untuk dilaksanakan. Dalam hal ini, Kaedah Tanya-Jawab Dua Hala, dilihat sebagai satu kaedah alternatif yang dapat membina penguasaan kosa kata dan keyakinan melalui soal-jawab secara aktif bersama guru dan rakan sekelas. Kaedah ini juga merupakan kaedah alternatif kepada pengamalan sedia ada yang hanya berbentuk satu hala (guru kepada pelajar) dan lebih berfokus kepada bentuk tulisan. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau keberkesanan kaedah Tanya-Jawab Dua Hala dalam membentuk penguasaan kosa kata serta pembinaan keyakinan untuk berkomunikasi Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa.

Kajian Literatur

Kemahiran Soal-Jawab

Kemahiran soal-jawab telah dikenal pasti berperanan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Yang, 2006). Dalam hal ini, soalan lisan oleh pelajar dan maklum balas oleh guru merupakan dua perkara yang saling berkaitan dan bertimbal balik. Hal ini membawa maksud, proses komunikasi dan interaksi antara guru dan pelajar sedikit sebanyak dipengaruhi oleh bentuk soalan yang diajukan oleh pelajar, maklum balas yang diberi guru serta bentuk jawapan yang diberikan oleh pelajar daripada soalan guru (Boyd & Rubin, 2002).

Penguasaan Kosa Kata

Dalam pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing, kosa kata memainkan peranan yang penting kepada semua jenis kemahiran bahasa (iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis) (Nation, 2011). Nation (2001) terdahulu, telah membincangkan tentang pemerolehan kosa kata yang luas dalam seseorang yang belajar bahasa kedua dan ketiga kerana, tanpa kosa kata tersebut, seseorang itu tidak dapat menggunakan struktur dan fungsi bahasa yang telah dipelajari untuk tujuan komunikasi.

Dalam proses pembelajaran bahasa kedua/asing, kedua-dua pihak, baik guru mahupun pelajar

bersetuju bahawa pemerolehan kosa kata ialah faktor utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa (Walters, 2004). Sebagai satu bentuk aktiviti dalam pembelajaran bahasa, Noorizah Mohd Noor et. al (2012) melihat teknik soal jawab antara guru dan pelajar sebagai alat untuk membina ketrampilan kosa kata pelajar dalam bahasa kedua/ketiga yang dipelajari, memandangkan penguasaan kosa kata penting untuk komunikasi bermakna.

Sebagai salah satu aspek penting dalam bahasa, kosa kata memainkan peranan yang penting dalam proses pemerolehan bahasa oleh pelajar bahasa baharu (Cameron, 2001). Pembinaan kosa kata pelajar bahasa baharu merupakan aspek yang penting dalam kemajuan bahasa mereka (Harmon, Wood & Keser, 2009). Pengetahuan kosa kata sering kali dilihat sebagai salah satu tonggak dalam pembelajaran bahasa kedua/ketiga memandangkan kosa kata yang terhad mempengaruhi keupayaan komunikasi dalam bahasa tersebut (Schmit, 2000). Wujudnya hubungan timbal balik antara pengetahuan kosa kata serta penggunaan bahasa; pengetahuan kosa kata memudahkan penggunaan dan perbualan dalam bahasa sasaran, penggunaan bahasa membawa kepada peningkatan pengetahuan kosa kata (Nation, 2001).

Peningkatan Keyakinan Diri

Cole et. al. (2007) membincangkan tentang aspek keyakinan sebagai satu faktor penting kepada kesediaan seseorang pelajar bahasa kedua/asing untuk mengubah kepercayaan dan tindakan mereka kepada seorang pelajar yang berautonomi. Beberapa sarjana seperti Ozbey (2004) dan Hindman et. al (2010) meletakkan ciri keyakinan diri seperti melakukan sesuatu mengikut keupayaan diri sendiri, menyayangi diri sendiri serta memiliki kesedaran tentang emosi sendiri sebagai ciri penting yang perlu ada dalam seorang pelajar.

Apabila melihat kepada pengkategorian keyakinan diri pula, Akagunduz (2006) membahagikan keyakinan diri kepada dua sub-kategori iaitu keyakinan diri intrinsik dan keyakinan diri ekstrinsik; Keyakinan diri intrinsik berkaitan dengan pemikiran dan emosi seseorang, manakala keyakinan diri ekstrinsik melibatkan faktor luaran seperti tingkah laku, bahasa tubuh dan sebagainya. Dalam usaha menjadi pelajar yang baik, unsur ekstrinsik serta intrinsik ini perlu digabung jalin dengan baik, dan dalam hal ini, guru seharusnya menyedari bahawa elemen penting dalam menambah baik kualiti pendidikan adalah melalui membina keyakinan diri, nilai diri serta menghormati diri sendiri secara dalaman dan luaran. (Kyriacou, 2007)

Barcroft (2009) menekankan kepada peranan pengajar bahasa/guru yang signifikan untuk mengurangkan rasa tidak yakin pelajar di dalam kelas. Dalam hal ini, Dornyei (2001) mencadangkan para guru serta pengajar bahasa untuk melakukan penyediaan pengalaman dan galakan kepada pelajar untuk menggunakan bahasa dalam situasi sebenar, serta mengurangkan ketakutan yang dialami melalui sikap positif dan galakan demi mengurangkan ketidakyakinan ini.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian yang dipilih untuk kajian ini merupakan bentuk kajian tindakan. Model Kemmis dan Mc Taggart (1988) digunakan sebagai rujukan untuk pelaksanaan kajian tindakan. Rasional pemilihan model Kemmis dan Mc Taggart (1988) ialah ianya merupakan model kajian tindakan yang ringkas dan jelas, mudah dilaksanakan, serta setiap peringkat dalam kitaran model ini merangkumi aspek tindakan yang boleh diukur dan dibuktikan.

Proses Kajian

Terdapat tiga gelung untuk kajian ini iaitu i) Pengajaran Konvensional sebagai Gelungan 1, ii) Kaedah Intervensi sebagai Gelungan 2, iii) Penambahbaikan Kaedah untuk Gelungan 3. Setiap gelungan dijalankan mengikut tahap-tahap kajian tindakan, berpandukan model Kajian Tindakan Kemmis.

- *Pengajaran Konvensional sebagai Gelungan 1*

Bentuk pengajaran biasa yang menggunakan bantuan modul, papan putih serta kertas latihan, di samping ujian lisan satu hala yang terhad. Setelah selesai sesi pengajaran konvensional, hasil catatan pemerhatian pengkaji yang dilakukan sepanjang proses gelung 1 dinilai dan dilakukan refleksi. Melalui catatan ini, pengkaji melihat kepada kemampuan pelajar mengingat serta menggunakan kosa kata yang dipelajari, cara pelajar menjawab soalan sama ada secara bertulis atau lisan serta sikap yang ditunjukkan pelajar semasa proses mempelajari kosa kata serta kata tanya.

- *Kaedah Intervensi sebagai Gelungan 2*

Dalam sesi intervensi, sesi soal-jawab secara dua hala dipraktikkan antara pelajar-guru dan pelajar-pelajar. Dalam sesi ini, pelajar akan mengajukan soalan kepada rakan atau guru, dan pelajar juga akan menjawab

soalan yang diajukan oleh rakan atau guru. Pelajar perlu mengambil inisiatif untuk mengembangkan skop soalan dan kemahiran menjawab melalui penerokaan kepada kosa kata baharu dan pengukuhan melalui penggunaan kosa kata lazim yang dipelajari.

- *Penambahbaikan Kaedah sebagai Gelungan 3 (Kes Pelajar Tepu)*

Berdasarkan hasil refleksi gelung 2, beberapa penambahbaikan telah dirancang untuk dilaksanakan, iaitu:

- Guru memberi lebih penekanan kepada kosa kata sukar dan panjang
- Kuiz spontan kosa kata untuk menguji tahap ingatan pelajar
- Guru membawa dua orang warga tempatan (WT1 dan WT2) sebagai rakan berbual pelajar di kelas

Sampel Kajian

Bilangan responden untuk kajian ini adalah seramai 20 orang, iaitu terdiri daripada pelajar antarabangsa daripada kelas kelolaan pengkaji. Rasional pemilihan responden dalam kajian ini adalah disebabkan kajian ini memerlukan pelajar yang masih belum mempunyai pengetahuan asas dalam Bahasa Melayu. Oleh demikian, pelajar tahap 1 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing dipilih untuk kajian ini. Selain itu, pelajar yang berada dalam kelompok yang sama memudahkan proses kajian dan kutipan data dilakukan.

Instrumen Kajian

Beberapa instrumen digunakan dalam kajian ini iaitu borang soal-selidik, dua set soalan ujian pencapaian iaitu ujian penyoalan lisan dan ujian temu bual serta borang catatan pemerhatian. Borang soal-selidik bagi kajian ini mengandungi empat bahagian, iaitu bahagian demografi responden, bahagian keberkesanan 'Kaedah Tanya-Jawab Dua Hala', bahagian Penguasaan Kosa Kata serta Keyakinan semasa Bersoal Jawab. Ujian Kosa Kata pula merupakan penilaian kursus bahasa Melayu di UKM yang dijadikan sebagai ujian pencapaian bagi kajian ini, dengan tujuan untuk melihat pencapaian semasa peserta kajian setelah selesai gelungan tertentu dan membandingkannya dengan gelungan sebelumnya.

Tatacara Pemerolehan Data

Pengkaji melakukan kutipan data melalui pemberian borang soal-selidik bagi mendapatkan maklum balas

mereka yang melihat persepsi pelajar terhadap kaedah intervensi, seterusnya melihat bentuk hubungan antara kaedah intervensi serta kemahiran sasaran. Edaran borang soal-selidik ini dilakukan pada akhir gelung dua, iaitu sebaik sahaja semua pelajar selesai menduduki Ujian Pencapaian 2. Untuk pembinaan item soal-selidik, Neuman (1997) mencadangkan dua prinsip utama dalam pembinaan soal selidik iaitu mengelakkan kekeliruan dalam kalangan responden serta mengekalkan tahap perspektif dan fokus responden untuk menjawab. Dalam hal ini, soalan soal-selidik haruslah ringkas dan membekalkan jawapan yang boleh digunakan untuk tujuan analisis serta penilaian (Mathers et. al, 2009). Pembinaan item soal-selidik ini melibatkan empat bahagian iaitu; A) Demografi; B) Keberkesanan Kaedah Tanya-Jawab Dua Hala; C) Penguasaan Kosa Kata, dan, D) Keyakinan semasa Bersoal-Jawab

Bagi data kualitatif pula, pengkaji melakukan catatan ke atas pemerhatian yang dilakukan sepanjang sesi kajian, iaitu melibatkan tiga gelungan iaitu kaedah konvensional, kaedah intervensi serta penambahbaikan kaedah intervensi. Pada setiap gelungan, pengkaji merekodkan cara pelajar bertindak balas terhadap kaedah yang diterapkan, sama ada melalui perlakuan, reaksi, kata-kata atau memek muka. Selain itu, pengkaji juga mencatatkan perkembangan pelajar daripada sudut pembinaan ayat, aspek bahasa serta sebutan, terhadap dua kemahiran yang disasarkan iaitu penyoalan lisan dan menjawab soalan secara lisan.

DAPATAN KAJIAN

Perbincangan bahagian ini akan memfokuskan kepada dapatan kajian tentang keberkesanan kaedah Tanya-Jawab Dua Hala dalam membina dua aspek penguasaan kemahiran pelajar, iaitu penguasaan kosa kata serta keyakinan diri dalam bersoal-jawab.

Objektif 1: Keberkesanan Kaedah Tanya-Jawab Dua Hala dalam Membina Penguasaan Kosa Kata dalam Kalangan Pelajar

Bagi dapatan soal selidik, hasil analisis regresi linear mudah yang dilakukan untuk melihat perkaitan antara kaedah intervensi dengan pembinaan penguasaan kosa kata adalah berpandukan kepada hipotesis berikut:

Ho1: Tiada hubungan yang signifikan antara pelaksanaan kaedah Tanya-Jawab Dua Hala dengan penguasaan kosa kata pelajar.

Dapatan SPSS bagi ujian regresi linear mudah yang membuktikan wujudnya perkaitan signifikan antara kaedah Tanya-Jawab Dua Hala dengan kemahiran penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar, dengan $F(1, 20) = 54.219$, $p < 0.05$, dengan nilai $R_2 = .751$.

Jangkaan peratusan dalam kemahiran penguasaan kosa kata oleh pelajar ialah $Y = .285 + .885 X$ apabila X diukur dalam peratus. Dalam hal ini, penguasaan kosa kata meningkat sebanyak 0.885 bagi setiap peratus penggunaan kemahiran Tanya-Jawab Dua Hala.

JADUAL 1(a). Model Summary Pengaruh Kaedah Tanya Jawab Dua Hala kepada Penguasaan Kosa Kata

Model	R	R Square	R Square Diubahsuai	Ralat Piawai Jangkaan
1	.866 ^a	.751	.737	.22584

a. Predictor: Kaedah Tanya Dua Hala

JADUAL 1(b). Analisis Simple Linear Regression – Pengaruh Kaedah Tanya Jawab Dua Hala kepada Penguasaan Kosa Kata

Model		Sum of Squares	Df	Min Square	F	Sig.
1	Regression	2.765	1	2.765	54.219	.000 ^b
	Residual	.918	18	.051		
	Total	3.684	19			

Perbandingan skor bagi ujian pencapaian gelung 1 dan gelung intervensi pula dilakukan berdasarkan hipotesis berikut:

Ho2: Tiada perbezaan yang signifikan antara skor ujian pencapaian 1 dengan skor ujian pencapaian 2 Ujian Kosa Kata

Berdasarkan hasil dari analisis yang dijalankan menggunakan Wilcoxon Signed Rank Test, nilai Z yang didapati ialah -3.833 dengan p value (Asymp. Sig 2 tailed) sebesar 0.000. Nilai ini adalah kurang daripada nilai kritikal kajian iaitu 0.05 yang menandakan bahawa hipotesis nul ditolak sekali gus membuktikan bahawa terdapat perbezaan signifikan antara skor ujian pencapaian 1 dan pencapaian 2 bagi penguasaan kosa kata, dengan $W(19) = 0.0$, $p = 0.00$, sekali gus membuktikan keberkesanan kaedah intervensi dalam membina penguasaan kosa kata kepada pelajar

Berdasarkan catatan pemerhatian pula, pelajar menunjukkan perubahan dari aspek sikap dan perlakuan. Semasa sesi intervensi pada gelung 2, pelajar menunjukkan perkembangan pembinaan penguasaan kosa kata. Sepanjang sesi intervensi iaitu ketika kegiatan soal-jawab antara guru-pelajar dan pelajar-pelajar diadakan, para pelajar memperlihatkan

percubaan untuk menggunakan perkataan baharu dalam jawapan dan ketika mengajukan soalan. Mereka juga mempamerkan minat dan kesungguhan untuk mengetahui perkataan baharu dengan meminta cadangan perkataan daripada guru.

- *P4, P10 dan P17 meminta cadangan perkataan baharu iaitu kata sepadan dengan 'about', 'usually', 'sometimes' dan 'maybe'. (Catatan Pengkaji/ Intervensi/Minggu2/14 Mei 2018)*

Selain merujuk guru, pelajar juga menggunakan kemudahan teknologi seperti kamus dalam talian dan khidmat terjemahan dalam talian untuk mencari terjemahan kata yang ingin digunakan.

- *Hanya P4 dan P16 sahaja yang bawa kamus. Yang lain gunakan 'Google translation' dan alat terjemahan dalam telefon pintar untuk cari perkataan baharu (Catatan Pengkaji/ Intervensi/Minggu3/21 Mei 2018)*

Pengetahuan tentang perkataan-perkataan baharu yang ditemui secara sendiri serta penggunaan kata dalam soalan serta jawapan telah meningkatkan tahap pemerolehan perkataan dalam kalangan pelajar.

- *Pelajar menunjukkan cara menjawab, pembinaan ayat dan pengetahuan kosa kata yang lebih baik berbanding ujian pra, dalam sesi praktis ujian temu bual. (Catatan Pengkaji/Intervensi/Minggu3/23 Mei 2018)*

Pengetahuan baharu ini telah meningkatkan rasa ingin mencuba dalam diri pelajar. Mereka sudah semakin berani untuk mencuba perkataan baharu ketika mengajukan soalan dan menjawab soalan, selain menunjukkan peningkatan yang ketara daripada aspek seleksi kosa kata yang digunakan ketika berbahasa Melayu

- *Pelajar semakin berani mencuba perkataan baharu dalam soalan. Jika terdapat kesalahan dari aspek penggunaan kata, guru akan membetulkannya. (Catatan Pengkaji/Intervensi/Minggu4/28 Mei 2018)*

Sesi latihan semasa intervensi dilihat memberi manfaat kepada pelajar, khususnya daripada aspek peningkatan sebutan pelajar.

- *Terdapat beberapa pelajar yang menunjukkan perkembangan sebutan, melalui pengucapan setiap perkataan secara satu persatu serta latihan bunyi yang lemah. Namun masih ada sebahagian lagi yang masih sama (Catatan Pelajar/Intervensi/Minggu3/23 Mei 2018)*

Objektif 2: Keberkesanan Kaedah Tanya-Jawab Dua Hala dalam Membina Keyakinan Pelajar semasa Bersoal-Jawab

Perkembangan pelajar dalam membina keyakinan semasa bersoal-jawab serta keberkesanan kaedah intervensi dalam membina kemahiran tersebut dibuktikan melalui hasil analisis regresi mudah terhadap data soal selidik dan perbandingan skor ujian pencapaian gelung 1 dan gelung 2, serta disokong oleh catatan pemerhatian sepanjang sesi intervensi oleh pengkaji

Bagi dapatan soal selidik, hasil analisis regresi linear mudah yang dilakukan untuk melihat perkaitan antara kaedah intervensi dengan pembinaan keyakinan semasa bersoal-jawab adalah berpandukan kepada hipotesis berikut:

Ho3: Tiada hubungan yang signifikan antara pelaksanaan kaedah Tanya-Jawab Dua Hala dengan keyakinan yang dimiliki pelajar semasa bersoal-jawab.

Jadual 2(a) dan 2(b) menunjukkan ujian regresi linear mudah yang membuktikan wujudnya perkaitan signifikan antara kaedah Tanya-Jawab Dua Hala dengan keyakinan semasa bersoal-jawab dalam kalangan pelajar, dengan $F(1, 20) = 44.192$, $p=0.00$, dengan nilai $R_2 = .711$. Jangkaan peratusan dalam keyakinan semasa bersoal-jawab oleh pelajar ialah $Y = Y = .178 + .920 X_1$ apabila X diukur dalam peratus. Dalam hal ini, keyakinan semasa bersoal-jawab meningkat sebanyak .920 bagi setiap peratus penggunaan kemahiran Tanya-Jawab Dua Hala.

JADUAL 2(a). Model Summary Pengaruh Kaedah Tanya Jawab Dua Hala kepada Kemahiran Menyoal Secara Lisan

Model	R	R Square	R Square Diubahsuai	Ralat Piawai Jangkaan
1	.843 ^a	.711	.694	.26017

a. Predictor: Kaedah Tanya Dua Hala

JADUAL 2(b). Analisis Simple Linear Regression – Pengaruh Kaedah Tanya Jawab Dua Hala kepada Kemahiran Menyoal secara Lisan

Model		Sum of Squares	Df	Min Square	F	Sig.
1	Regression	2.991	1	2.991	44.192	.000 ^b
	Residual	1.218	18	.068		
	Total	4.210	19			

Penyoalan soalan daripada pelajar merupakan elemen baharu yang diperkenalkan, memandangkan perkara ini tidak dipraktikkan dalam bentuk pengajaran sedia ada. Dalam aspek yang pertama iaitu keyakinan semasa menyoal, para pelajar mula menampakkan keyakinan untuk menyoal pada sesi kedua minggu dua, iaitu pada ketika mereka sudah didedahkan dengan bentuk menyoal secara lisan dan sudah mula menguasainya melalui latihan demi latihan.

- *Ramai pelajar yang sudah tidak menunjukkan rasa gementar untuk menyoal. Ada yang mengangkat tangan, menandakan mereka sudah bersedia. (Catatan Pengkaji/Intervensi/Minggu2/16 Mei 2018)*

Pada minggu ketiga dan empat, pelajar kajian memperlihatkan perkembangan yang semakin baik.

- *Pelajar semakin yakin dalam membina soalan dan menanyakan soalan terus, tanpa teragak-agak atau gagap. (Catatan Pengkaji/Intervensi/Minggu4/28 Mei 2018)*

Pelajar juga memperlihatkan perkembangan dari aspek keyakinan dalam mengutarakan soalan kepada rakan-rakan kajian, tanpa rasa gementar.

- *... Pelajar lebih berkeyakinan dan tidak malu-malu dalam bertanyakan soalan kepada rakan-rakan berbanding minggu sebelumnya (Catatan Pengkaji/Intervensi/ Minggu3/23 Mei 2018)*

Dalam aspek yang kedua iaitu keyakinan dalam menjawab soalan, pelajar menunjukkan perkembangan daripada aspek keyakinan ketika memberi jawapan spontan secara lisan, dan menjawab dalam ayat penuh

- *Pelajar tidak lagi tersekat-sekat dalam membina jawapan secara spontan, walaupun beberapa kesalahan kecil masih berlaku seperti penggunaan kata sendi dan kata hubung dalam ayat (Catatan Pengkaji/Intervensi/Minggu3/21 Mei 2018)*

Akhir sekali, para pelajar kajian mempamerkan keyakinan dalam menggunakan kosa kata dalam menyoal serta menjawab soalan. Mereka tidak takut mencuba kata baharu dalam membina soalan.

- *Pelajar semakin berani mencuba perkataan baharu dalam soalan. Jika terdapat kesalahan dari aspek penggunaan kata, guru akan membetulkannya. (Catatan Pengkaji/Intervensi/Minggu4/28 Mei 2018)*

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Sebagai satu bentuk kaedah alternatif yang berpusatkan pelajar, Kaedah Tanya-Jawab Dua Hala merupakan kaedah soal-jawab yang mampu dimanfaatkan sebagai aktiviti di dalam kelas antara guru dan pelajar, serta sebagai kaedah yang membantu pelajar antarabangsa berkomunikasi dalam perbualan mudah. Dapatan kajian tindakan ini merupakan satu cadangan penyelesaian kepada permasalahan yang dihadapi oleh pelajar serta penutur asing dalam menguasai bahasa sasaran, terutamanya dalam aspek mengingat dan menguasai kosa kata serta keyakinan dalam menggunakan bahasa

Pembinaan Penguasaan Kosa Kata

Dalam mempelajari bahasa kedua/ketiga, pengetahuan kosa kata merupakan komponen terpenting kerana kosa kata memainkan peranan yang utama sebagai asas dalam semua jenis kemahiran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Nation, 2011). Pembinaan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar yang dimulakan dengan asas bersoal-jawab, bukan sahaja membina kemahiran menyoal dan menjawab soalan bahasa Melayu, malah manfaat dan ruang lingkungannya melebihi sempadan itu. Teknik soal jawab antara guru dan pelajar dalam pembelajaran B2/B3 dilihat sebagai alat untuk membina ketrampilan kosa kata pelajar dalam bahasa sasaran yang dipelajari (Noorizah Mohd Noor et. al, 2012).

Penekanan konsep dua hala, iaitu kemahiran menyoal dalam kalangan pelajar menjadi suatu bentuk inovasi yang menarik untuk dibincangkan, terutamanya dalam menambahkan perbendaharaan kata pelajar. Fokus kepada sesuatu topik untuk pelajar mengutarakan soalan merupakan sesuatu yang berkesan kerana menggunakan pendekatan pengajaran berasaskan topik dalam kaedah soal jawab ini memberikan peluang kepada pelajar menguasai lebih banyak kosa kata melalui kaedah terjemahan dan menjawab soalan (Zahra Babaie & Nava Nourdad, 2014). Dalam proses pembelajaran dan proses memperoleh kosa kata baharu, pelajar kajian mempamerkan pelbagai cara untuk mempelajari kosa kata baharu seperti penggunaan kamus bercetak, penggunaan khidmat terjemahan atau merujuk guru serta rakan yang lebih berpengetahuan kerana, tanpa proses peluasan perbendaharaan kata, seseorang itu tidak akan dapat menggunakan bahasa yang dipelajari secara aktif kerana keterbatasan kosa kata (Nation, 2011)sekali gus menghadkan komunikasi dalam bahasa sasaran.

Pembinaan Keyakinan Bersoal-Jawab

Aspek keyakinan diri merupakan nilai yang perlu ada dalam diri seseorang untuk memastikan mereka terus kompeten dalam membina kemahiran penguasaan bahasa asing yang dipelajari (Ozbey, 2004). Dalam menghadapi kekangan dan cabaran bahasa kedua dan ketiga ini, para bahasa menghadapi keyakinan intrinsik dan ekstrinsik (Akagunduz, 2006) seperti yang dialami oleh pelajar kajian iaitu intrinsik; gemuruh, berdebar-debar dan takut, sementara ekstrinsik; gelisah, teragap-agap dan kaku. Sesungguhnya, dalam memastikan proses pemerolehan bahasa kedua dan ketiga yang dipelajari adalah berkesan, penambahbaikan kualiti pendidikan perlu dilakukan iaitu melalui pembinaan keyakinan diri, nilai diri serta menghormati diri sendiri secara dalaman dan luaran (Kyriacou, 2007). Hal ini dapat direalisasikan pada minggu ke-3 dan ke-4 intervensi kerana para pelajar kajian telah membina sedikit demi sedikit keyakinan diri mereka, di mana keyakinan diri pada tahap yang tinggi membuatkan seseorang sudah benar-benar pasti dengan apa yang dilakukan. Dalam membina keyakinan diri tersebut, guru/pensyarah/pengajar memiliki peranan yang besar dan sangat signifikan (Barcroft, 2009) terutamanya dalam mengurangkan rasa takut itu dan membina keselesaan kepada pelajar untuk menggunakan bahasa dengan baik.

RUJUKAN

- Adolphs, S., & Schmitt, N. 2003. Lexical coverage of spoken discourse. *Applied Linguistics*, 24(4), 425-438.
- Alonso, A.C. 2013. Receptive Vocabulary Size of Secondary Spanish EFL Learners. *Revista de Lingüística y Lenguas Aplicadas*, 8(1), 66-75.
- Aulia Nisa Khusnia. 2016. Students' Perspectives on Speaking Anxiety in the English Foreign Language Classroom. *Ahmad Dahlan Journal of English Studies* 3 (2): 41-51
- Boyd, M. P & Rubin, D. L. 2002. Elaborated student talk in an elementary classroom. *Research in the Teaching of English* 36: 495-530.
- Cagatay, S.. 2015. Examining EFL student's foreign language speaking anxiety: The case at a Turkish state university. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 199: 648-656
- Cole, D., Ellis, C., Mason, B., Meed, J., Record, D., Rossetti, A., & Willcocks, G. 2007. *Teaching Speaking and Listening: A Toolkit for Practitioners*. Bristol: Portishead press.
- Hindman, J., Grant, L., & Stronge, J. 2010. *The Supportive Learning Environment: Effective Teaching Practices*. London: Routledge.
- Kyriako, C. (2007). *Essential teaching skills* (3rd Ed.). Cheltenham: Nelson Thornes.
- Kemmis, S. & McTaggart, R. 1988. *The Action Research Planner*. Edisi ketiga. Geelong, Deakin University Press.
- Lembaga Akreditasi Negara. 2005. *Sukatan Pelajaran Bahasa Kebangsaan dan Mata Pelajaran Wajib Institusi Pengajian Tinggi Swasta*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Lembaga Akreditasi Negara.
- Nation, I. S. P. 2001. Vocabulary learning strategies and guessing from context. *Learning Vocabulary in Another Language* (pp. 217-262). Cambridge: Cambridge University Press.
- Nation, I.S.P & Newton, J. 2009. *Teaching ESL/EFL Listening and Speaking*. New York: Routledge.
- Nation, I.S.P. 2011. Vocabulary research into practice. *Language Teaching*. 44(4): 529-539
- Nehad Faisal Ahmed. 2016. An exploration of speaking anxiety with Kurdish University EFL learners. *Journal of Education and Practice* 7(27): 99-106
- Noorizah Mohd Noor, Idris Aman & Rosniah Mustafa. 2012. Teachers questioning approaches in the Malaysian ESL classroom. *The International Journal of Learning* 18(7): 313-325
- Mathers, N. J, Fox, N.J & Hunn. A. 2009. *Survey and Questionnaire*. Sheffield: University of Sheffield
- Schmitt, N. 2000. *Vocabulary in Language Teaching*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Schmitt, D. and Schmitt, N. 2005. *Focus on Vocabulary: Mastering the Academic Word List*. White Plains, NY: Pearson Education.
- Suleymanova, Z. 2012. Speaking Anxiety in a Kazakhstani Foreign Language Classroom. *Sino-US English Teaching* 9(12): 1766-1774
- Yang, M. 2006. A critical review of research on questioning in education: Limitations of its positivistic basis. *Asia Pacific Education Review* 7(2): 195-204.

Amirul Mukminin Mohamad*
Pusat Citra Universiti,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Zamri Mahamod
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: mieroll@ukm.edu.my

Diserahkan: 18 Mac 2019

Diterima: 19 Mac 2019

e-ISSN: 2600-9021

<http://www.ukm.my/personalia/publication/penguasaan-kosa-kata-dan-pembinaan-keyakinan-pelajar-antarabangsa-dalam-komunikasi-bahasa-melayu-melalui-kaedah-tanya-jawab-dua-hala/>